

## Anda Seorang Yang Toksik Ke? Cuba Semak!

Lumrah dan fitrah sifat manusia. Tidak akan pernah berasa cukup apa yang ada, itu tak kena, ini tak kena. Ada sahaja nak diluahkan dan media sosial menjadi tempat melepaskan segala rasa. Suka, duka hingga ada yang tidak segan silu mencerca. Hati-hati meninggalkan komen di media sosial! Fikir baik-baik apa yang ingin kita tulis!

Tenung dan renung ke dalam diri adakah kita sendiri mempunyai salah satu ciri atau mungkin separuh atau barangkali semua sifat TOKSIK yang tersebut di bawah.

Macam mana hendak tahu diri kita ini TOKSIK atau tidak? Cuba semak!

# ANDA SEORANG YANG TOKSIK KE? Cuba Semak!

<p>Kerap menghukum orang lain</p> <p><i>Malas nak usaha, tu la susah</i></p> 	<p>Suka fikir negatif</p> <p><i>Kenapa nak berhenti hisap rokok, nanti mati juga</i></p> 	<p>Kuat menyindir</p> <p><i>Untunglah naik gaji.. kerja "rilek-rilek" pun gaji banyak</i></p> 	
<p>Laju salahkan orang lain atau "play a victim"</p> 	<p>Susah nak minta maaf</p> 	<p>Sering kritik orang lain</p> 	<p>Sentiasa sibuk jika orang lain perlukan bantuan</p> 